

21/09/1998

Dr M timbang cuti umum

BUKIT JALIL, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau secara serius menimbang untuk mengumumkan cuti umum sehari pada pertengahan minggu ini berikutan kejayaan Malaysia menganjurkan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98).

Perdana Menteri turut kagum dengan prestasi atlit negara yang mampu memperolehi pingat melebihi sasaran.

"Mereka sudah menghasilkan persembahan di luar dugaan. Saya tidak menjangka mereka dapat memenangi begitu banyak pingat, terutama emas.

"(Awalnya) Saya agak pesimis kerana fikir kita sudah cukup masalah dengan menjadi tuan rumah dan kita tidak mungkin dapat memenangi banyak pingat.

"Tetapi seperti yang kita lihat mereka beraksi begitu cemerlang dan saya kini secara serius menimbang kemungkinan mengumumkan cuti umum," katanya.

Beliau yang sebelum ini dijangka mengumumkan cuti umum pada hujung minggu depan, berkata: "Tetapi jika mereka suka lebih cepat kita mungkin mengumumkan lebih awal... pertengahan minggu."

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar di Pusat Akhbar Utama (MPC) KL '98 di Hotel Mint di sini, hari ini. Kira-kira 20 wartawan asing yang membuat liputan KL '98 menghadiri sidang akhbar itu.

Dr Mahathir juga berkata, kejayaan Malaysia menganjurkan KL '98 sekali gus menutup mulut media asing yang selama ini lantang mengkritik Malaysia dan menganggap negara tidak mampu menganjurkan temasya kedua berprestij di dunia selepas Sukan Olimpik.

"Mereka tidak pernah berkata sesuatu yang baik mengenai negara ini, malah mereka percaya kami tidak boleh mengendalikan kejohanan ini.

"Mereka berhak untuk memberi pandangan mereka dan saya berhak untuk menyuarakan pendapat saya," katanya memulangkan paku buah keras kepada media asing yang selama ini lantang mengkritik kemampuan Malaysia menjadi tuan rumah KL '98.

Malah, ketika awal pertandingan kebanyakan wartawan berkulit putih terutama dari Australia, sentiasa sibuk mencari kesilapan Malaysia tetapi ternyata gagal.

Sebaliknya, semua atlit dan pegawai, malah wartawan asing yang berada di Kuala Lumpur dan Langkawi, tidak putus-putus meluahkan kekaguman bukan saja terhadap Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang canggih, bahkan teknologi terkini yang digunakan, keramahan rakyat negara ini dan harga barang yang begitu murah berikutan kejatuhan nilai ringgit.

"Ada orang beritahu saya dia kesal kejohanan ini akan berakhir esok, sebaliknya berharap ia dapat berjalan selamanya. Kelihatannya semua orang begitu gembira.

"Saya sendiri begitu gembira dengan perkembangan ini dan kita mempunyai satu hari lagi dan berharap tiada sebarang kejadian tidak dingini berlaku pada hari terakhir, dengan itu semua orang akan pulang dengan kenangan manis," kata Dr Mahathir.

(END)